

**P.U. (A) 292/2014**

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (LAPORAN  
PEMEGANGAN SYER YANG SUBSTANSIAL) (PEMBATALAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 378 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Laporan Pemegangan Syer yang Substansial) (Pembatalan) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 7 November 2014.

**Pembatalan**

2. Peraturan-Peraturan Perindustrian Sekuriti (Laporan Pemegangan Syer Yang Substansial) 1998 [*P.U. (A) 174/1998*] dibatalkan.

Dibuat 26 September 2014

[SC/GC(LR)/CMSA-Amend.1/14(002)-22; PN(PU2)662/IX]

RANJIT AJIT SINGH

*Pengerusi*

*Suruhanjaya Sekuriti*

Diluluskan 15 Oktober 2014

[KK/SID/P/(S)/382/483/128/1/1 Jld.11 (SK.2); PN(PU2)662/IX]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH

*Menteri Kewangan Kedua*